



Siaran **AKHIBAR**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN

KP/UKK/SPM/010/004(01/08)

MESYUARAT MAJLIS INDUSTRI BAGI PERTAHANAN, PENGUATKUASAAN DAN KESELAMATAN (MIDES) BERTEMPAT DI HOTEL ROYALE CHULAN KUALA LUMPUR

Unit Komunikasi Korporat Kementerian Pertahanan telah mengeluarkan kenyataan berikut:

Mesyuarat Majlis Industri bagi Pertahanan, Penguatkuasaan dan Keselamatan telah diadakan dengan jayanya pada 30 Julai 2012 bertempat di Hotel Royale Chulan Kuala Lumpur. Mesyuarat ini, yang dipengerusikan oleh Y.B. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Pertahanan menyaksikan penglibatan aktif daripada agensi-agensi keselamatan, penguatkuasaan dan pertahanan dan juga pemain-pemain industri pertahanan tempatan seperti DRB Hicom Sdn Bhd, Composites Tehnologies Research Malaysia Sdn Bhd, dan Sapura Secured Technologies Sdn Bhd.

Mesyuarat ini membincangkan tentang langkah-langkah bagi membantu dalam pembangunan industri pertahanan tempatan yang seterusnya akan menyumbang dalam pemantapan kesiapsiagaan dan keupayaan bukan sahaja Angkatan Tentera Malaysia, tetapi MIDES merangkumi semua sektor pertahanan, penguatkuasaan dan keselamatan termasuk Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Pertahanan Awam dan lain-lain. MIDES mengambil pendekatan secara bersepadu dan holistic bagi menggabung tenaga, kepakaran dan pengalaman sektor keselamatan, sektor ekonomi dan pemain-pemain industri pertahanan. Kerajaan akan terus menyokong usaha untuk terus memajukan dan memantapkan industri pertahanan tempatan kerana agenda pertahanan, penguatkuasaan dan keselamatan akan terus menjadi keutamaan.

Antara usaha yang dijalankan oleh MIDES bagi mengerakkan dan merencanakan penglibatan pemain industri pertahanan tempatan di peringkat global ialah mengadakan kerjasama strategik dengan agensi-agensi kerajaan seperti MATRADE dan MIDA bagi

membantu ahli-ahli MIDES memperluaskan perniagaan ke peringkat antarabangsa. MIDES juga mahu terlibat secara aktif di dalam ASEAN Defence Industry Collaboration yang merupakan satu platform multilateral di peringkat ASEAN yang memberi tumpuan khusus kepada industri pertahanan. Kerjasama tersebut dapat membawa kemajuan dan perkembangan industri pertahanan tempatan ke peringkat yang lebih tinggi melalui perkongsian teknologi dan pertukaran kepakaran. Selain itu, penubuhan taman teknologi *Malaysian Defence and Science and Technology Park* (MDSTP) merupakan salah satu usaha Kementerian Pertahanan dalam memajukan serta memberi tumpuan yang khusus terhadap pembangunan produk pertahanan tempatan.

Mesyuarat MIDES yang seterusnya dijangka diadakan pada hujung tahun 2012 dan penglibatan daripada sektor swasta dijangka meningkat berikutan sambutan yang baik terhadap usaha kerajaan membangunkan industri pertahanan.

KUALA LUMPUR
30 JUL 2012